



Noh bersama Mohd Hashim (kiri) dan Dr Abd Aziz **melihat bungkusan sarang burung walet** selepas sidang media di Wisma Tani.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

## Pengusaha walet perlu patuh 3 syarat

**Putrajaya:** Pengusaha sarang burung walet tempatan perlu patuh tiga syarat utama dalam Protokol Import yang akan ditandatangani dengan China sebelum produk mereka boleh dieksport ke negara itu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, berkata Protokol Import Malaysia-China itu dijangka dapat menyelesaikan

masalah berkaitan eksport produk itu ke republik berkenaan, sekali gus mengelakkan pengusaha tempatan terus mengalami kerugian.

"Syarat pertama, pengusaha perlu ada Sijil Kesihatan Veterinar daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), seterusnya harus mempunyai permit eksport bersama pengesahan tempat asal meng-

gunakan Sijil Pengenalan Frekuensi Radio (RFID).

"Mereka juga harus memenuhi syarat ketiga yang mewajibkan sijil kesihatan dari pada Kementerian Kesihatan Malaysia bagi kepastian kandungan nitrat sarang burung walet tidak melebihi 30 bahagian per juta (ppm).

"Syarikat Malaysia juga mesti ada rakan perniagaan di

China yang ada permit import dikeluarkan republik itu bagi membolehkan eksport sarang burung walet dari Malaysia dipantau," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Veterinar, Datuk Dr Abd Aziz Jamaluddin serta Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Hashim Abdullah.